

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (18)

25 Mac 2021
11 Syaaban 1442

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2021

PEMERKASAAN STRUKTUR JABATAN CANSELERI MELIBATKAN PEJABAT PENGURUSAN STRATEGI DAN PEJABAT HAL EHWAL KORPORAT KEPADA PEJABAT STRATEGI DAN HAL EHWAL KORPORAT

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 5/2021 Bertarikh 3 Mac 2021 telah meluluskan pemerksaan struktur Jabatan Canseleri melibatkan Pejabat Pengurusan Strategi (SMO) dan Pejabat Hal Ehwal Korporat (HEK) kepada Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat. Pemerksaan struktur ini melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) Penggabungan Pejabat Pengurusan Strategi dan Pejabat Hal Ehwal Korporat dan dijenamakan semula kepada Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat. Sila Rujuk Lampiran untuk Carta Fungsi dan Carta Organisasi
- (ii) Penjenamaan semula jawatan Pro-Naib Canselor (Strategi) kepada Pro-Naib Canselor (Strategi dan Hal Ehwal Korporat)
- (iii) Pewujudan jawatan Pengarah Pengurusan Strategi
- (iv) Penjumudan jawatan Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Media)
- (v) Penjumudan jawatan Timbalan Pengarah (Pengurusan Penjenamaan dan Komunikasi Digital)
- (vi) Menaik taraf jawatan Timbalan Pengarah (Analitik dan Penyelidikan Institusi) kepada Pengarah (Pengurusan Data dan Analitik)

2. Tujuan pemerksaan struktur ini adalah untuk menggerakkan strategi Universiti sejajar dengan komunikasi korporat bersama pemegang taruh dan memperkasakan peranan komunikasi korporat di peringkat Universiti bagi menyokong agenda dan aspirasi Universiti dalam mencapai

enVision 2025. Selain daripada itu, persediaan pelan jangka masa panjang dalam memperkasa bakat dan peranan staf daripada kumpulan Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP) serta mengoptimumkan sumber sedia ada dalam memacu kecemerlangan dengan penumpuan terhadap pengurusan strategi, data dan hal ehwal korporat secara berpusat dan bersinergi bagi meningkatkan ketahanan institusi (*institutional resilience*).

3. Alamat surat-menyurat bagi Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat adalah seperti berikut:

Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat
Aras 3, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Johor

4. Pemeraksanaan struktur ini akan berkuat kuasa mulai 1 April 2021. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai pemeraksanaan struktur ini.

Terima kasih.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah Pusat Penyelidikan - UTM Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah


MFS/kma

CARTA FUNGSI



PEJABAT STRATEGI DAN HAL EHWAL KORPORAT

JABATAN CANCELERI



*Nota: Setiap Seksyen diketuai oleh seorang ketua bertaraf **Pengarah***

innovative • entrepreneurial • global

CARTA ORGANISASI

PEJABAT PRO-VC (STRATEGI & HAL EHWAL KORPORAT)

